



Gambar hiasan

*Zaman remaja adalah fasa mencabar. Kekalutan itu berlaku pada setiap zaman cuma subjeknya sahaja yang mungkin berbeza. Rempit adalah fenomena masyarakat dan bukan fenomena khusus. Kebanyakan remaja hari ini tiada pedoman yang betul untuk menjalani usianya.*

**S**ejak 25 tahun lalu, hampir 10 buah filem tentang lumba motor atau penjonolan terhadap motor berkuasa tinggi pernah berputar di pawagam tempatan. Kalau anda masih ingat filem Azura lakonan Jamal Abdilal dan Fauziah Ahmad Daud; Gila-gila Remaja lakonan Faizal Hussein; Pelumba Malam, Maria Mariana, KL Menjerit 1 dan 2. Baru baru ini Farid Kamil pula selesai menghidangkan buah tangan sulungnya, Rempit V3 setelah dwilogi Rempit karya Ahmad Idham berdesup di panggung tempatan.

Tidak kiralah sama ada paparan layar lebar tersebut mengungkap aksi lumba motor atau kereta secara halal atau haram, yang nyata tema kelajuan enjin memang menjadi pilihan.

Sekali pandang seolah-olah karya sebegini seakan tiada arah dan tiada pengisian. Tetapi penerbitan genre seumpama ini membenarkan moto

'Filem Kita Wajah Kita' kerana dengan sedikit pemerhatian, filem-filem ini sebenarnya mendokumentasikan bingkai kehidupan anak-anak muda mengikut zaman masing-masing. Nyata pembikin filem gemar menentang warna-warni kehidupan remaja kota atau anak muda luar bandar yang terkena kejutan budaya kota. *Fokus SPM* edisi Mei menghidangkan anda tinjauan tentang mat rempit.

### Benarkah Filem jadi Punca?

Sekiranya dilihat dari perspektif lain pula. Percaya atau tidak aksi-aksi keterlaluan mat rempit sejak akhir-akhir ini, sedikit sebanyak berpunca daripada pendedahan keterlaluan di dalam media.


Hakikat ini disahkan Setiausaha 1 Persatuan Penulis Nasional (Pena), Syed Mohd Zakir Syed Othman (SM Zakir). Beliau mengakui medium filem memang menjadi punca. Remaja



SM Zakir

yang kerap menonton filem di dalam genre sebegini akan menganggapnya sebagai contoh ikutan. "Filem bersifat eskapisme atau cara melepaskan perasaan juga memberi tunjuk ajar di dalam pelbagai cara. Ia mampu menjadi agenda yang memberi model kepada khalayak untuk diikuti. Kalau filem menunjukkan contoh gejala yang tidak baik, mungkin orang cepat ke arah itu.

"Aspek lain yang boleh dilihat adalah daripada sudut *capitalisme mass culture*. Di samping mengaut keuntungan dan budaya popular,



filem mempunyai kesan besar kepada masyarakat yang kalau tidak dikawal akan melumpuhkan tamadun dan melemahkan pemikiran serta gagal berfikir secara rasional dan intelek,”

Pandangan SM Zakir diakui oleh seorang bekas mat rempit yang bernama Hairani Abdul Basit. Berusia 25 tahun dan berasal dari Gombak, Selangor. Hairani atau mesra disapa dengan panggilan Run berkata, paparan aksi 'wheelie', 'wikang', 'superman' atau 'pacak 90 darjah' oleh mat rempit di dalam dokumentari dan rancangan bercorak penyiasaan di televisyen serta penerbitan beretrik turut menyokong kepada penonjolan 'kehebatan' mat rempit di mata masyarakat.

“Untuk apa sebenarnya ditunjukkan aksi itu, kalau kelak akhirnya akan menambah lagi bilangan budak muda yang kepingin mencuba,” Run mempersoalkan. Run kini telah bebas sepenuhnya daripada merempit memori lalu ketika aktif di jalanan, dia bersedia berkongsi cerita.

## Mat Rempit Dulu Baik-baik...

“Saya mula ‘gila’ merempit sejak usia 17. Biasalah jiwa remaja. Nak mencuba apa sahaja. Dulu saya biasa race di Jalan Ipoh berhadapan bangunan Tabung Haji Lama.”

Run berkata mat rempit pada zamannya jauh berbeza daripada kini. “Dulu tiada kes ragut, pukul atau belasah orang sesuka hati seperti sekarang. Mungkin kerana itu kami tidak begitu dihiraukan sangat.

Tambahan pula tiada media yang kisahkan kemunculan kami merempit di jalanan. Berbeza hari ini, banyak perkara memalukan membabitkan remaja bermotosikal. Inilah punca mengapa mat rempit kian dibenci hari demi hari,” tambah Run kesal.

Sambung Run lagi, sepanjang dia merempit berkali-kali dia terbalik motor, hampir kemalangan maut dan keluar masuk lokap polis. “Kalau setakat luka, itu perkara biasa,

bahkan saya pernah boloskan diri daripada ‘road block’ polis,” ujarnya menenangkan. Tetapi Run akur, dia tidak pernah berbangga dengan masa silamnya.

“Saya mula nekad ingin berhenti merempit setelah melihat kawan baik masuk hospital. Kecelakaannya parah dan itu amat menakutkan. Tambahan pula ketika itu saya telah pun bertunang dengan seorang gadis. Terfikir juga, takkanlah masih menggila sedang usia makin meningkat dan bakal bergelar suami,”

Run kini bahagia dengan keluarga, ditambah pula dengan kehadiran cahaya mata yang kini berusia dua tahun. Dia akur merempit tidak ke mana sudahnya. “Lebih baiklah kalau dialihkan minat dan gejala jiwa muda itu kebidang sukan, lebih banyak faedahnya,” Run mengerti minat kepada enjin akan lebih bermakna andai dialihkan ke tempat yang halal seperti bersukan atau berlumba di litar yang sah.

## Najib Nekat Berubah di KL

Kisah Run hampir serupa dengan Najib Abdullah, 23. Remaja kelahiran Machang, Kelantan ini kini nekad menjalani hidup barunya di Kuala Lumpur. Doa ibunya saban malam rupanya didengar Allah.

Justeru tawaran sebagai kakitangan awam yang diterimanya empat bulan lalu, disambut dengan penuh kesyukuran oleh keluarga. Bak kata ibunya, mungkin lebih elok kalau tinggalkan kampung halaman memulakan hidup baru daripada



terus menetap di sana, kalau hanya merisaukan orang tua saban malam. Apa tidaknya, kegemaran Najib hanyalah satu iaitu merempit.

Benar, anak muda berbadan tegap ini adalah mat rempit paling tersohor di kampungnya. Puas sudah ibu ayah nasihat, masuk telinga kanan-keluar telinga kiri sahaja lagaknya.

“Usah di marah, ditegur atau dipukul, semuanya tidak memberi kesan. Saya bagaikan tidak peduli dengan status bapa; seorang berkedudukan penting dalam kampung dan abang sulung pula seorang anggota polis. Hinggalah suatu hari bila saya diperangkap oleh rakan baik kononnya motor saya adalah motor curi sampai akhirnya dia dimasukkan ke dalam lokap, semuanya bagaikan titik perubahan yang memberikan keinsafan,” luah Najib mengimbas nostalgia.

Setelah keluar lokap, Najib tertekan dengan pandangan masyarakat. Walaupun sebahagian mereka tahu cerita sebenar di sebalik tangkapan itu, namun segelintir yang lain tetap mencemik kala terserempak dengannya.

“Rupanya itulah perjalanan takdir saya. Itulah permulaan saya mengambil langkah memberhentikan terus aktiviti merempit, demi ayah dan ibu dan demi masa depan saya. Walaupun saya tidak mengalami kemalangan, patah atau cedera tetapi mengengankan maruah keluarga yang dipandang rendah oleh orang gara-gara sikap sendiri membuatkan saya berfikir dan merenung dalam-dalam, dan saya yakin inilah laluan terbaik yang perlu ditempuhi kini,” ujar Najib mengakhiri.

## “Mat rempit punca gejala sosial”

Tidak cukup dengan dua pengakuan mat rempit insaf, kami kemudiannya menemui Pengarah Unit R&D, Latihan dan Perubuhan Awam Pertubuhan Kebajikan & Dakwah Islamiah Malaysia, Wilayah Persekutuan, Dr Haji Masjuki Mohd Musuri. Masjuki amat berpengalaman mengendalikan kes-kes kejahatan sosial dan pendedahan daripadanya amat mengejutkan.

Kisahnyalah adalah tentang Sheila, 17. Masjuki memberitahu, semasa rawatan pemulihan dibuat di hadapan ibunya, dia mengaku telah menjadi bohsia dan pernah ditiduri 285 lelaki. Daripada soal siasat yang dilakukan akhirnya

Sheila mengaku ketagih hubungan kelamin.

"Buktinya setiap kali memasuki bilik air dia akan melakukan onani. Menjadi perkara biasa baginya dikendurikan oleh enam hingga lapan orang mat rempit pada setiap malam."

Mengandung? Mungkin kerana fizikalnya sudah dibiaskan dengan aktiviti hubungan jenis tanpa batas sejak usia terlalu muda, menghalang Sheila daripada mengandung. Masjuki membuat kesimpulan. Aktiviti liar tetapi tersusun itu menyukarkan orang tua Sheila untuk mengawalinya. Gadis terdesak itu akan keluar lari dari rumahnya pada tengah malam, mencari lelaki di pasar malam, tepi jalan atau kelompok mat rempit yang berkumpul. Setelah puas dia akan pulang ke rumah pada dini hari dan keesokan paginya akan berseskolah seperti remaja lain.

Selapas tujuh bulan dirawat di Pekida, Sheila masih begitu walaupun zahirnya menunjukkan telah melalui fasa perubahan yang positif. "Cuma kita tidak mampu mengawal hal peribadinya. Sehingga enam bulan kemudian ibunya menjemput dengan harapan dia sudah berubah."

Akhirnya Sheila keluar juga daripada rumah kerana bapanya tidak dapat menerima hakikat anaknya seteruk itu. Dia kembali meneruskan aktiviti seksnya dan terus tidak pulang ke rumah hingga ke hari ini," Masjuki menjelaskan.

## Jejak-jejak sumbang

Fokus SPM terus menjejak mat rempit yang masih tegar. Kelibat mereka masih ada sebenarnya. Lalu pada suatu hujung minggu, kami meneruskan pencarian di Dataran Merdeka dan beberapa 'port' lagi di sekitar kota raya dan hasilnya, kami menemui Korie.

Walaupun kelihatan agak bosan diajangan dengan soalan-soalan panas, Korie, 18 masih memberi ruangan kami berbalut dengannya. Dan inilah cerita Korie.

"Hujung minggu tidak akan lengkap kalau tak ke Dataran Merdeka. Kawan-kawan sudah siap bersedia dengan



Masjuki Mohd Musuri

motor masing-masing. Seperti malam-malam minggu yang lain, bermula di Dataran Merdeka, menuju ke Jalan Raja Laut melintasi kompleks membeli-belah Sogo, Jalan Chow Kit ke Jalan Tunku Abdul Rahman akan menjadi medan bagi menunjukkan 'kejantanan'.

Sambil tersenyum Korie menyambung, "Selesai berjuang, yang menang akan digelar 'jantan sejati'. Kemudian akan dihadiahkan awek dan mungkin sedikit wang taruhan." Korie sendiri pun beberapa kali menang. Di tambah wajahnya yang 'ada rupa' memang mengumkan 'minah rempit' untuk ikut membongcong setelah selesai beraksi di luar haram. "Selalunya saya memang menjadi pilihan awek-awek untuk ikut balik," ujarnya megah.

## Korie 'tak takut mati'

Naik motor laju, tak ingat mak ayah? Korie 'tak takut mati'? soal kami. "Ah, lantaklah apa pun orang kata, saya peduli apa. Dah jiwa rempit, keluar hospital, saya merempit balik."

Kami cuba mencungkil lagi rasa hatinya. Nyata di hujung sanubarinya masih ada kebaikan. Kata Korie, "Saya ni belajar tak pandai bang, habis PMR saya dah kerja di sebuah pusat cuci kereta di Jalan Kelang Lama hinggalah sekarang. Saya dah ada pendapatan sendiri, dengan duit itulah saya repair motor, bantu keluarga sikit-sikit. Aktiviti di sini (merempit) cuma pelepas bosan sahaja."

Korie juga meluahkan rasa hati dengan menyalahkan pihak berwajib tidak sediakan litar halal untuk berlumba. Katanya, yang ada pun terletak jauh dari mereka atau mahal bagi remaja yang berpendapatan rendah sepertiinya.

Penjejakan mat rempit pada malam indah itu berakhir di situ. Walaupun sedikit takut dengan senario yang teruk ini, namun di hati tersemat impian masih ada sinar harapan menanti andai kita serius menangani kegawatan ini.

## Komitmen NGO

Menanggapi persoalan mat rempit sebenarnya memerlukan penyertaan serius daripada semua pihak. Presiden

Jemaah Islam Malaysia (JIM), Zaid Kamaruddin melihat salah laku moral dan isu mat rempit perlu di sorot secara Islamik, justeru usaha pengawalannya perlu dilakukan secara berterusan. Jelasnya kepincangan akhlak ini berpunca daripada nilai murni yang semakin terbahis.

"Segalanya berpunca daripada kurangnya nilai agama diterapkan di dalam asuhan anak-anak. Dalam hal ini Islam amat memitikberatkan agar menjaga maruah terutamanya pada peringkat awa pembentukan biologi anak remaja. Apabila agama tidak lagi diletaikan sebagai kiblat utama, sistem nilai dan pertimbangan buruk baik sudah lari kompanya."

Daripada segi makro pula, Zaid berkata perubahan sistem masyarakat daripada sistem berasaskan kekeluargaan dan kemasyarakatan sepatutnya melebar kepada extended family namun perkara itu tidak lagi berlaku kini.

"Kalau dahulu jiran tetangga atau orang tua bebas mengur anak jirannya jika terbasas tingkah laku, tetapi kini tidak lagi. Sentimen 'aku-aku / engkau-engkau' telah membatasi nilai kejiwaan harmoni lantas membentuk budaya keakuan yang menebal dalam dari kebanyakan insan moden."

Dalam masa yang sama ketiadaan suasana positif sebagai pendorong buat remaja menahkutkan kebaikan diri mereka turut jadi penyumbang. Elemen-elemen persekitaran seperti ledakan ICT yang keterlaluhan ujarnya, turut mendedahkan mereka kepada dedahan unsur pornografi dan maklumat yang tidak sepatutnya.

Sementara itu, Zaid berkata meskipun JIM belum merancang apa-apa program khusus untuk mat rempit, namun JIM amat menyokong setiap usaha yang diambil oleh semua pihak ke arah itu contohnya seperti yang dilakukan oleh Putera UMNO. JIM juga menerusi Kelab Remaja JIM (KRJ) turut aktif bergerak menjayakan program-program pembangunan ummah. "Walaupun tidaklah seagresif Putera UMNO, namun di atas kesedaran perlunya keseimbangan pembangunan rohani dan jasmani, KRJ tampil dengan pengisian rohani dan minda



Zaid Kamaruddin

pesertanya menerusi pelbagai program peningkatan sahsiah diri," jelasnya.

## Salurkan minat secara berhemah

Sementara itu Yusri Mohammad, Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) berpendapat secara semula jadinya, anak-anak muda memiliki dorongan semangat yang kuat, cuma mereka tidak tahu hendak disalurkan ke mana.

Beliau berkata pada setiap zaman ada cabarannya sendiri dan mat rempit tidak jauh bezanya dengan gejala sosial yang lain. "Zaman remaja adalah suatu fasa mencabar. Kekalutan itu berlaku pada setiap zaman. Cuma subjeknya sahaja yang mungkin berbeza. Rempit adalah fenomena masyarakat dan bukan fenomena khusus. Kebanyakan remaja hari ini tiada pedoman yang betul untuk menjalani usianya."

Justeru pihak bertanggungjawab katanya, perlu mendepani isu ini secara menyeluruh. Seajar dengan hasrat itu, usaha memperkasa belia perlu dimulakan daripada aspek pemurnian serta membetulkan kembali dasar, falsafah, tanggapan dan persepsi belia. "Secara sadar atau tidak umat Islam masih lagi terpengaruh dengan perspektif barat tentang kehidupan. Muslimin sewajarnya memuang jauh-jauh fahaman bahawa usia belia adalah ditandai dengan kebebasan, belum menerima komitmen dan hidup penuh keseronokan...sedangkan pada peringkat remaja lah bermulanya banyak perkara dalam bidang keilmuan, kesenian dan kesukanan."

Menurut Yusri lagi, di dalam budaya timur dan tasawuf Islam, usia manusia hanyalah sebelum baligh dan selepas baligh. Sesudah dewasa dipertanggungjawabkan pula dengan komitmen sebagai Muslim. Ini berbeza dengan trend Barat yang menganjurkan tempoh peralihan.

"Sepatutnya proses kematangan berlaku secara natural dan tidak diganggu. Bukan soal umur kerana tiada beza antara selepas baligh atau sebagai orang dewasa, kerana mereka sudah boleh menyertai orang dewasa setelah mencapai baligh." Namun demikian, program seumpama ini jarang pula menarik minat kalangan mat rempit. Melainkan program yang lebih berorientasikan sukan lasak dan hal ini diakui oleh Yusri.

Ujarnya walaupun ABIM sendiri belum menasarkannya sebarang program secara khusus. Namun Abim sentiasa mempertingkatkan program latihan dan motivasi yang berterusan terutamanya kepada pelajar-pelajar sekolah yang menyertai kem latihan yang dianjurkan.

"Apa yang berlaku ialah remaja bermasalah seperti mat rempit kurang berminat menyertai program yang dianjurkan. Maka itu, tumpuan khusus kepada golongan sasar tersebut perlu ada. Ia berbeza dengan program khusus yang mewajibkan para remaja seperti Program Latihan Khidmat Negara (PLKN).

"Seluruh pihak wajar bergabung menganjurkan sebuah program secara bersiri yang menepati cita rasa dan boleh menarik minat mat-mat rempit. Contohnya program yang melibatkan motosikal seperti kembara atau konvoi dan dalam masa yang sama diselitkan aktiviti berorientasikan ilmu sedikit demi sedikit.

Jawatankuasa Kuasa Kemajuan Kampung (JKKK) juga wajar menyediakan lebih banyak ruang untuk menjalankan aktiviti kesenian, kebudayaan dan sukan untuk anak muda seperti silat, sukan bermotor, marhaban dan sebagainya. seterusnya bakat yang berjaya dicungkil itu dibawa ke tengah untuk menyertai kegiatan sukan dan kesenian peringkat daerah dan negeri. Yusri yakin aktiviti ini boleh diusahakan dengan kerjasama perajaan belia daerah dan organisasi kesarajan.

## Putihkan imej mereka

Imej mat rempit kian hari kian diputihkan. Seputih padang salji dan bongkah ais yang dingin di Kutub Utara: lokasi di mana 12 penerjun udara dari Malaysia membuat penerjunan yang membanggakan negara.

Usaha Murni Putera Umno melalui pengerusinya, Datuk Abdul Azeez



Yusri Mohammad

Abdul Rahim mendisiplinkan mat-mat rempit melalui program kemasyarakatan dan didikan seharusnya dipuji. Dengan harapan golongan ini dapat dibimbing kembali ke

jalan yang benar, mat-mat rempit pula seharusnya bersyukur dengan sikap prihatin khalayak yang rela membantu.

Abdul Azeez berkata masyarakat juga tidak pernah menuding jari menyalahkan mat rempit semata-mata walaupun setelah pelbagai jenayah yang mereka lakukan mendatangkan masalah kepada masyarakat. Justeru seharusnya peluang kedua yang diberikan kepada mereka bagi memperbaiki diri ini tidak wajar disia-siakan.

Justeru penjenamaan semula mat rempit bertujuan mengubah peminat lumba haram ini menjadi kelompok yang berguna dan lebih baik. Azeez menjelaskan pihaknya sedang menimbang beberapa nama yang sesuai untuk kumpulan ini, umpamanya Mat Cemerlang.

"Niat kamu hanya satu iaitu mahu mencari hala tuju yang jelas untuk mereka. Kita tidak boleh mengalhang mereka berlumba tetapi kita boleh membantu mereka mencari jalan hidup yang betul," tambahnya.

Abdul Azeez berkata, pelumba-pelumba motosikal haram ini tidak boleh dipandang sebagai ancaman kepada masyarakat sebaliknya orang ramai perlu memahami kehendak golongan muda ini.

"Ada beberapa perkara positif yang boleh dipelajari daripada kumpulan mat rempit ini seperti semangat setiakawan yang kuat hingga mampu menubuhkan kelab tidak berdaftar dengan keahlian melebihi 5,000 orang. Dek kerana semangat setia kawan yang kuat, 30 mat rempit akan menyereng kita jika kita buat salah dengan salah seorang kawan mereka," tambah beliau.

Katanya, Putera Umno tidak mahu semangat itu disalah gunakan tetapi mahu ia dijadikan alat untuk menajuhkan belia dari dadah dan menggalakkan mereka melanjutkan pelajaran.

Kumpulan mat rempit ini juga punya kemahiran tinggi dalam memandu dan membaiki pulih enjin motosikal. Bahkan ujarnya wakil syarikat motosikal Honda dan sebuah syarikat pengedar kereta ramai kagum



Abdul Azeez Abdul Rahim